

NO. SOALAN : 290

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[ LANANG ]**

**SOALAN :**

**YB. Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bilangan perpustakaan awam dan perpustakaan bergerak yang didirikan oleh Kerajaan di seluruh Malaysia dan bilangan peminjam buku setiap tahun sejak 2013-2016 serta apakah strategi yang akan diambil untuk menggalakkan rakyat supaya suka membaca.

**JAWAPAN :**            **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, jumlah perpustakaan awam yang terdapat di seluruh negara adalah sebanyak 1,460 buah. Daripada jumlah ini, 84 buah daripadanya adalah perpustakaan bergerak. Perincian mengikut kategori perpustakaan adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>KATEGORI PERPUSTAKAAN AWAM</b>	<b>JUMLAH</b>
1.	Perpustakaan Negeri	16
2.	Perpustakaan Wilayah	4
3.	Perpustakaan Cawangan/Daerah	134
4.	Perpustakaan Pekan/Komuniti	87
5.	Perpustakaan Pekan/Komuniti (PBT*)	6
7.	Perpustakaan Desa	1,129
8.	Perpustakaan Bergerak	84
<b>JUMLAH</b>		<b>1,460</b>

\*Pihak Berkuasa Tempatan

Berdasarkan data Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) jumlah peminjaman buku di perpustakaan seluruh negara tahun 2010 adalah 17.9 juta. Jumlah ini terus meningkat pada kadar 31.3% pada tahun 2011 kepada 23.5 juta. Namun pada tahun 2012 terdapat penurunan kepada 18.0 juta dan terus merosot kepada 17.7 juta pada tahun 2013. Walau bagaimanapun peminjaman bahan perpustakaan kembali meningkat pada tahun 2014 dengan 6.8% kepada 18.9 juta. Pada tahun 2015, jumlahnya meningkat kepada 19.3 juta iaitu 2.1%. Manakala sehingga bulan April 2016, jumlah peminjaman adalah sebanyak 19.5 juta iaitu peningkatan 1.0%.

Langkah strategik yang dijalankan oleh kerajaan menerusi perpustakaan untuk menggalakkan rakyat supaya membaca adalah seperti berikut:

**(i) Program Galakan Membaca Melalui Strategi Lautan Biru (NBOS)**

Menyemarakkan program galakan membaca secara berterusan dengan kerjasama agensi swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) menerusi NBOS bagi memastikan aktiviti galakan membaca dijalankan secara bersepadu dan tersusun kepada semua peringkat golongan sasar.

**(ii) Perkhidmatan Capaian Bahan Bacaan Dalam Talian**

Menyediakan akses kepada bahan bacaan secara mudah, cepat dan tepat tanpa sempadan masa dan lokasi menerusi perkhidmatan perpustakaan digital, perkhidmatan u-Pustaka bagi memudahkan rakyat meminjam bahan bacaan dalam format digital/*e-book* tanpa sempadan masa dan lokasi secara percuma.

**(iii) Meningkatkan Ketersediaan Prasarana Pembacaan di Kawasan Bandar dan Luar Bandar.**

Kerajaan sentiasa meningkatkan ketersediaan prasarana pembacaan di kawasan tumpuan umum di kawasan bandar seperti perpustakaan komuniti di pusat beli-belah dan terminal pengangkutan awam. Manakala untuk kemudahan rakyat luar bandar, kerajaan turut meningkatkan perkhidmatan perpustakaan desa.

**(iv) Memperluaskan Perkhidmatan Pinjaman Bahan Bacaan Kepada Institusi**

Dalam usaha menggalakkan lagi amalan membaca, PNM serta perpustakaan awam mengambil inisiatif memperluaskan perkhidmatan pinjaman bahan bacaan kepada institusi menerusi perkhidmatan pinjaman kelompok.

**(v) Program Literasi Media dan Maklumat**

Memberi pendedahan dan pendidikan kepada masyarakat mengenai kaedah pencarian maklumat yang cepat dan tepat; penilaian maklumat yang autoritatif; dan penggunaan maklumat yang beretika menerusi pelaksanaan program literasi media dan maklumat kepada semua golongan masyarakat.

**(vi) Menyokong Industri Buku**

Perpustakaan adalah antara pemangkin utama dalam menyemarakkan industri buku negara dengan memperbanyakkan penyediaan bahan bacaan yang berkualiti untuk membina minda, sahsiah dan pemikiran masyarakat. Selain itu, dana untuk penulis turut diwujudkan bagi menyokong hasrat dan menyemarakkan lagi industri perbukuan negara.

Sekian, terima kasih.